

FAQ PELAKSANAAN PROSES PENDAFTARAN DAN URUSAN BERKAITAN BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Soalan 1:

Bolehkah Pusat Bertauliah (PB) membuat permohonan pendaftaran dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini?

Jawapan 1:

Boleh. Permohonan pendaftaran adalah secara atas talian dan perlu memenuhi syarat dan prosedur pendaftaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun permohonan pendaftaran yang diterima sepanjang tempoh PKP akan diproses oleh pegawai selepas 14 April 2020 atau selepas tamat tempoh PKP.

Soalan 2:

Pelaksanaan latihan program di PB kami terpaksa ditangguhkan selama 2 minggu berikutan PKP. Adakah saya perlu memohon pemanjangan tempoh latihan bagi kumpulan pelatih yang direhatkan ini?

Jawapan 2:

Ya, pihak tuan dimohon untuk menambah tempoh latihan mengikut bilangan hari pelatih ditangguhkan latihan bagi memenuhi jam latihan yang ditetapkan.

Soalan 3:

Bagi pengambilan yang akan tamat pada 30 April 2020, adakah perlu dibuat penggantian hari latihan?

Jawapan 3:

Ya, pihak tuan masih perlu membuat penggantian hari latihan bagi memastikan jumlah jam latihan yang ditetapkan mencukupi. Penilaian Akhir dan lawatan verifikasi PPL hendaklah dilaksanakan setelah latihan selesai iaitu selepas 30 April 2020.

Soalan 4:

Pusat Bertauliah kami telah menghantar permohonan pendaftaran pelatih semasa tempoh PKP dilaksanakan dan masih belum menerima sebarang resit bayaran bagi permohonan ini. Bilakah pihak kami akan menerima resit tersebut?

Jawapan 4:

Selaras dengan pelaksanaan PKP, semua premis JPK di Ibu Pejabat Putrajaya dan Cyberjaya serta enam (6) Pejabat Wilayah tidak beroperasi. Hanya perkhidmatan atas talian JPK sahaja masih beroperasi seperti biasa. Dalam tempoh PKP ini, tiada resit bayaran akan dikeluarkan. Pengeluaran resit bayaran bagi mana-mana permohonan pendaftaran pelatih akan dibuat selepas tamat tempoh PKP.

Soalan 5:

Adakah tempoh pendaftaran pelatih dalam 60 hari masih terpakai atau dikira termasuk cuti umum semasa PKP?

Jawapan 5:

Tidak. Tempoh PKP yang telah ditetapkan tidak termasuk dalam kiraan 60 hari. Pusat Bertauliah boleh mengisi nama pelatih yang hendak didaftarkan tetapi bayaran pendaftaran dikemukakan sebaik sahaja tempoh PKP tamat untuk melengkapkan proses pendaftaran pelatih.

Soalan 6:

Adakah PB kami boleh memohon untuk mengemaskini maklumat pelatih sepanjang tempoh PKP berjalan?

Jawapan 6:

PB boleh mengemukakan permohonan Pindaan Maklumat Pendaftaran Pelatih ke alamat emel jpkpendaftaran@mohr.gov.my dan permohonan ini akan diproses seperti biasa, termasuklah:

- i) pindaan nama pelatih;
- ii) pindaan nombor kad pengenalan; dan
- iii) pindaan tempoh latihan.

Soalan 7:

Adakah PB kami boleh memohon pembatalan pelatih sepanjang tempoh PKP berjalan?

Jawapan 7:

PB boleh mengemukakan permohonan pembatalan pelatih seperti biasa melalui emel jpkpendaftaran@mohr.gov.my.

Soalan 8:

Adakah Pusat Bertauliah kami boleh memohon pendaftaran ulang nilai pelatih sepanjang tempoh PKP berjalan?

Jawapan 8:

PB boleh mengemukakan permohonan pendaftaran ulang nilai pelatih seperti biasa secara atas talian. Bayaran bersama dokumen pendaftaran ulang nilai pelatih hendaklah dihantar kepada JPK selepas tempoh PKP tamat.

Soalan 9:

PB kami melaksanakan program Modular di mana tempoh latihan memakan masa selama 2 bulan. Adakah kami boleh membuat pendaftaran pelatih dalam tempoh PKP ini?

Jawapan 9:

PB boleh mengemukakan permohonan pendaftaran pelatih selepas tamat tempoh PKP dengan melengkapkan borang pendaftaran pelatih (Borang JPK/T1002/MODULAR (MANUAL) yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.dsd.gov.my. Borang yang telah lengkap diisi perlu diemel ke jpkpendaftaran@mohr.gov.my. Pendaftaran pelatih program modular hendaklah dibuat selewat-lewatnya 14 hari sebelum tarikh mula latihan.

FAQ PENGELUARAN PERSIJILAN SKM, DKM, DLKM DAN PC BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Soalan 1:

Bolehkah Pusat Bertauliah/ individu mendapatkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM), dan Penyata Pencapaian (PC) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?

Jawapan 1:

Tidak boleh. Operasi mencetak Sijil SKM, DKM, DLKM dan PC telah dihentikan bermula tempoh PKP dilaksanakan. PB/individu boleh mendapatkan Sijil berkenaan setelah tamat tempoh PKP mengikut prosedur sedia ada.

Soalan 2 :

Adakah permohonan sijil hilang dan gantian masih dibuka sepanjang tempoh PKP?

Jawapan 2:

Permohonan Sijil Hilang dan Gantian masih boleh dihantar melalui pos ke JPK. Walau bagaimanapun JPK hanya akan memproses semua permohonan Sijil setelah tamat tempoh PKP berikutan operasi mencetak Sijil SKM, DKM, DLKM dan PC telah dihentikan dalam tempoh tersebut. Pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan bayaran dalam bentuk Deraf Bank bagi memastikan tempoh sah laku belum tamat semasa diproses di peringkat JPK.

Soalan 3:

Bagaimanakah saya boleh menghubungi JPK untuk mendapatkan maklumat berkenaan persijilan Sistem Latihan Pusat Bertauliah-SLaPB sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?

Jawapan 3:

Sebarang pertanyaan boleh disalurkan melalui email skkm@mohr.gov.my atau semakan persijilan boleh dibuat melalui sistem MySPIKE di link <https://www.skkm.gov.my/>.